

02 AUG 2001

Kadir-Bendera

MENTERI GESA SYARIKAT MINYAK EDAR JALUR GEMILANG

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Syarikat-syarikat minyak utama di negara ini diminta mengedarkan Jalur Gemilang kepada para pelanggan di samping menghias stesen minyak masing-masing bagi menjayakan sambutan bulan kemerdekaan dari 17 Ogos hingga 16 Sept ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata edaran bendera Malaysia itu seboleh-bolehnya hendaklah dibuat secara percuma.

"Kalau mereka boleh buat begitu, tentunya Jalur Gemilang akan berkibar megah pada kenderaan di jalan-jalan kita dan ini dapat memupuk semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan wakil syarikat minyak Caltex, Shell, BP, Projet, Petronas dan Esso/Mobil di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata selain syarikat minyak, syarikat besar dan kecil lain sama ada di bandar atau luar bandar boleh membantu mengedarkan bendera Malaysia kepada pelanggan atau penduduk di kawasan masing-masing.

Menurutnya, sehingga 15 juta Jalur Gemilang diharap dapat diedarkan kepada rakyat Malaysia untuk dikibarkan sempena sambutan bulan kemerdekaan dan mereka turut diminta menghias pejabat dan kediaman masing-masing dengan lampu atau apa juga bentuk perhiasan sepanjang sambutan berkenaan.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa semua pemilik bangunan terutamanya di ibu negara supaya menyalakan lampu pada waktu malam untuk mencerikan lagi sambutan bulan kemerdekaan.

Beliau dilaporkan sebagai berkata Tenaga Nasional Berhad telah memberikan komitmen untuk menawarkan diskaun 50 peratus bagi bil elektrik kepada bangunan yang menggunakan bekalan elektrik melebihi apa yang biasa mereka gunakan.

Abdul Kadir berkata program bulan kemerdekaan dibuat bertujuan membolehkan penduduk negara ini melupakan apa juga perbezaan mereka termasuk agama, kaum atau fahaman politik.

"Kita mahu warga Malaysia menonjolkan persamaan di kalangan mereka dan apa yang menjadi kepunyaan kita bersama ialah kemerdekaan tanah air, lagu Negaraku dan Jalur Gemilang," katanya.

Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO